

21 APR 1996

MAICCI CADANG TUBUH TABUNG BANTU KAUM INDIA

IPOH, 21 April (Bernama) -- Persatuan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI) akan mengemukakan memorandum kepada kerajaan tentang perlunya menubuhkan tabung RM50 juta untuk membantu masyarakat India.

Presidennya, Datuk V.K.K Teagarajan berkata persatuan juga akan meminta kerajaan memperuntukkan lima peratus daripada ekuiti korporat di negara ini kepada kaum India bagi membantu mengangkat taraf ekonomi mereka.

Memorandum itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata beliau.

Memorandum itu akan dibincang pada mesyuarat Agung tahunan persatuan itu pada 5 Mei.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas perasmian restoran V.K.K Madura di sini oleh Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau juga berkata MAICCI bercadang untuk menubuhkan cawangan peringkat daerah bagi menarik masyarakat India menyertai aktiviti keusahawanan. -- BERNAMA

HK SK FAZ